

PAHANG SEDIA BUKA SEKTOR PELANCONGAN

TEMERLOH, 24 JULAI 2021 : Kerajaan Pahang bersedia membuka semula tempat tumpuan pelancong di negeri ini dalam masa terdekat.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Haji Mohd. Sharikar Haji Shamsudin berkata, sebagai permulaan gelembung pelancongan akan dimulakan di Bukit Fraser, Raub dan di Pulau Tioman, Rompin.

Menurutnya, kerajaan negeri dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan mengkaji prosedur operasi standard (SOP) yang sesuai dalam usaha menghidupkan semula sektor pelancongan berkenaan.

"Macam di Bukit Fraser, semua pemain industri dan penduduk kawasan berkenaan dijangka selesai menerima dos kedua vaksin COVID-19 masing-masing.

"Saya dimaklumkan YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Sri Dr Salehuddin Ishak berada di sana (Bukit Fraser) bagi memantau proses berkenaan dan meneliti prosedur operasi standard (SOP) yang boleh digunakan untuk membuka semula sektor pelancongan di sana.

"Begini juga di Pulau Tioman, mereka juga dijadualkan menerima vaksin (dos kedua) bermula 27 Julai ini, maknanya mereka juga boleh membuka (sektor pelancongan) selepas itu, dengan SOP yang akan dimuktamadkan kerajaan negeri dan Majlis Keselamatan Negara (MKN)," katanya ketika ditemui pemberita.

Beliau ditemui ketika program perasmian pelancaran perkhidmatan bas percuma untuk kegunaan penerima-penerima vaksin ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi Dun Lanchang dan Daerah Temerloh sempena pembukaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Lanchang di Dewan MPT Lanchang.

Mengulas lanjut, Mohd Sharkar berkata SOP di kedua-dua kawasan pelancongan itu akan dijadikan rujukan bagi membolehkan lokasi tumpuan lain seperti Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah,Taman Negara Kuala Tahan dan Taman Negeri dibuka kepada orang ramai.

"Pembukaan semula sektor pelancongan melalui gelembung pelancongan seperti disarankan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) bagi memastikan semua pemain industri pelancongan dapat terus beroperasi.

"Kita melihat perkara ini sangat penting bagi memastikan kelangsungan pemain industri pelancongan yang terjejas teruk sejak pandemik COVID-19 melanda negara," katanya.-
PAHANGMEDIA

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

**#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#UKOMP**

Oleh : Fairus Mohd

Foto: Putera Falliq Hakim Suhairi

(LIPUTAN BERGAMBAR)







 PAHANG MEDIA
PUTERA FALLIQ HAKIM



 PAHANG MEDIA
PUTERA FALLIQ HAKIM